

TERMA DAN SYARAT YANG MENTADBIR AKAUN WEALTH PREMIUM
(Berkuat kuasa dari 1 September 2018)

Tafsiran

'ATM'	bermakna mesin juruwang automatik.
'Pemegang Akaun' atau 'anda'	bermakna seorang pemegang akaun individu (sama ada secara bersendirian atau bersama) bagi Akaun Wealth Premium, dan termasuk waris dan wakil peribadi.
'Undang-undang yang Digunakan'	bermakna semua statut, undang-undang, peraturan, pengawalan, garis panduan, arahan dan pekeliling yang berkaitan atau berkenaan (sama ada yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah, tribunal, badan kerajaan atau pihak berkuasa atau organisasi kawal selia yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana individu lain dalam Kumpulan).
'Aset Di Bawah Pengurusan'	bermakna baki kredit purata harian yang diagregatkan atau nilai pasaran (sebagaimana kes yang mungkin berlaku) bagi Akaun Wealth Premium dan semua Akaun yang Layak.
'BR'	bermakna kadar asas yang merupakan kadar rujukan bagi penetapan harga pinjaman runcit/kemudahan pembiayaan oleh kami.
'Kad'	bermakna kad (ungkapan ini termasuk sebarang kad gantian) yang dikeluarkan kepada anda untuk penggunaan di terminal ATM dan EFTPOS.
'Kod'	bermakna Kod Hasil Dalam Negeri tahun 1986 yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat.
'Makluman Pengesahan'	Bermakna slip pengakuan atau nasihat pengesahan yang diisu oleh kami kepada anda yang membuktikan transaksi dalam Akaun Wealth Premium, termasuk tetapi tidak terhad kepada penempatan atau pengeluaran amount deposit dalam Akaun Wealth Premium pada tarikh yang dinyatakan dalam slip pengakuan atau nasihat pengesahan tersebut.
'DCHEQS'	bermakna Sistem Maklumat Cek-cek Tidak Laku.
'Kad Debit'	bermakna kad (ungkapan ini termasuklah apa-apa kad gantian) yang diisu kepada anda untuk kegunaan termasuk tetapi tidak terhad kepada terminal ATM dan EFTPOS. Anda boleh merujuk kepada laman web rasmi kami di www.uob.com.my atau Terma dan Syarat Debit MasterCard UOB bagi perkhidmatan penuh yang diperuntukkan dengan Kad Debit.
'EFTPOS'	bermakna perkhidmatan pemindahan dana elektronik yang disediakan pada masa jualan di antara anda dan pihak ketiga.
'ePenyata'	bermakna penyata elektronik yang disediakan untuk paparan melalui PIB selepas anda mendaftar untuk perkhidmatan ePenyata bagi Akaun Wealth Premium.
'Akaun yang Layak'	bermakna akaun yang dikekalkan dengan kami yang termasuk dalam mana-mana kategori akaun yang kami mungkin tentukan pada budi bicara mutlak kami dari semasa ke semasa sebagai layak untuk diambil kira dalam pengiraan Aset Di Bawah Pengurusan seperti yang dinyatakan dalam

	Klausa 7 di bawah.
'Peristiwa Keingkaran'	bermakna apa-apa peristiwa atau perkara seperti yang dinyatakan dalam Klausa 15.2(c) hingga (cc) di bawah.
'FATCA'	bermakna seksyen 1471 hingga 1474 Kod dan peraturan serta garis panduan lain yang dikeluarkan di bawah Kod, setiap satunya dipinda dari semasa ke semasa (lazimnya dikenali sebagai Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing) ("FATCA") atau apa-apa perjanjian lain yang dimeterai dengan atau antara pihak berkuasa bagi pelaksanaan FATCA.
'Kumpulan'	bermakna cawangan, agensi, pejabat wakil, syarikat gabungan, bersekutu atau berkaitan kami, serta pegawai, kakitangan atau agen mereka, sama ada berada di dalam atau di luar Malaysia, dan juga termasuk kami.
'Faedah untuk Akaun Wealth Premium'	bermakna faedah yang perlu dibayar oleh kami kepada anda atas baki kredit dalam Akaun Wealth Premium yang dikira berdasarkan kadar faedah yang ditentukan oleh kami dari masa ke semasa, berdasarkan Aset Di Bawah Pengurusan'.
'Proses Undang-undang'	mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sebarang proses pemula termasuk writ saman dan saman pemula serta apa-apa bentuk proses pemula, rayuan, permohonan interlokutori, afidavit, perintah, penghakiman, notis-notis dan apa-apa dokumen lain yang perlu disampaikan di bawah sebarang undang-undang bertulis dan notis sedemikian di bawah Akta Kebankrapan 1967.
'PIN'	bermakna nombor pengenalan peribadi masing-masing yang kami keluarkan kepada anda atau yang dipilih oleh anda untuk mengakses dan mengendalikan Akaun Semasa.
'Data Peribadi'	mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, pekerjaan, butiran perhubungan, maklumat yang diperoleh daripada sistem keselamatan (termasuk rakaman imej anda di Televisyen Litar Tertutup (<i>Closed Circuit Television</i> atau CCTV)), maklumat yang terkandung dalam Akaun Wealth Premium yang dipegang oleh anda sama ada secara tunggal atau bersama dengan mana-mana individu lain, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang anda telah melanggan dengan kami serta data lain sedemikian yang diperlukan mengenai diri anda dan transaksi anda dengan kami.
'Kadar yang Ditentukan'	bermakna kadar faedah terpakai termasuk BR yang boleh dikenakan ke atas Jumlah Wang yang melebihi had daripada Akaun Wealth Premium pada setiap bulan atau apa-apa tempoh bersandar lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh kami.
'Sekatan'	bermakna sekatan, embargo atau langkah-langkah terbatas yang ditadbir, digubal atau dikuatkuasakan oleh mana-mana kerajaan, institusi atau agensi kerajaan, pengawal selia atau pihak berkuasa.
'Penyata Akaun'	bermakna salinan fizikal penyata yang kami keluarkan kepada anda setiap bulan atau sebarang penyata tambahan lain yang dikeluarkan atas permintaan anda, atau ePenyata bulanan yang disediakan untuk paparan melalui PIB yang menunjukkan semua transaksi dalam Akaun Wealth Premium termasuk penempatan, pengeluaran dan baki wang dalam Akaun Wealth Premium.

'Terma dan Syarat'	bermakna Terma dan Syarat ini yang mentadbir Akaun Wealth Premium (termasuk sebarang perubahan atau penambahan kepadanya yang kami mungkin tentukan dari masa ke semasa).
'Bank', 'UOBM', atau 'kami'	bermakna United Overseas Bank (Malaysia) Bhd dan di mana sesuai, akan termasuk pengganti hak milik dan pemegang serah hak.
'Perbankan Internet Peribadi UOB' atau 'PIB'	bermakna perkhidmatan perbankan internet peribadi yang kami sediakan kepada anda untuk membolehkan anda mengakses akaun anda dengan kami dan melaksanakan perbankan atau transaksi lain secara elektronik melalui komputer atau peranti mudah alih.
'AS'	bermakna Amerika Syarikat.
'Rakyat AS'	bermakna warganegara atau pemastautin individu AS, perkongsian atau syarikat yang diperbadankan di AS atau di bawah undang-undang AS atau mana-mana negeri di AS, suatu amanah jika (i) mahkamah di AS akan mempunyai kuasa di bawah Undang-undang yang Digunakan untuk memberi arahan atau penghakiman mengenai sebahagian besar isu-isu berkenaan pentadbiran amanah, dan (ii) satu atau lebih daripada satu Rakyat AS mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan utama amanah tersebut, atau estet bagi keturunan seseorang yang merupakan warganegara atau penduduk AS. Definisi ini akan ditafsirkan mengikut Kod. Sila maklum bahawa individu yang telah kehilangan kewarganegaraan AS mereka dan yang menetap di luar AS mungkin dianggap sebagai Rakyat AS dalam keadaan tertentu.
'Akaun Wealth Premium'	bermakna Akaun Semasa yang dibuka dan dikekalkan bersama kami.

1 Terma dan Syarat

- 1.1 Dengan membuka, mengekal dan menggunakan Akaun Wealth Premium, anda bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini. Anda dianggap telah membaca, memahami dan menerima setiap terma.

2 Kelayakan

- 2.1 Hanya individu yang berumur dua puluh satu (21) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan untuk membuka Akaun Wealth Premium. Kami boleh, pada budi bicara mutlak kami, menolak sebarang permohonan untuk Akaun Wealth Premium tanpa memberi apa-apa sebab.

3 Deposit

- 3.1 Amaun deposit minimum yang diperlukan pada pembukaan Akaun Wealth Premium ialah RM5,000, atau sebarang amaun minimum yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa.
- 3.2 Sebarang deposit ke dalam Akaun Semasa perlu dilakukan melalui kaunter di mana-mana cawangan, ATM atau mesin deposit tunai/cek kami, atau melalui pemindahan antara bank, pemindahan telegraf, perkhidmatan Perbankan Telefon UOB yang disediakan oleh kami atau melalui PIB.

- 3.3 Anda membenarkan kami untuk menerima prosid daripada semua cek, bil pertukaran, draf, nota janji hutang atau deposit yang disediakan untuk pembayaran atau untuk dikreditkan kepada mana-mana Pemegang Akaun dan untuk membayar prosid sedemikian selaras dengan Terma dan Syarat ini, jika prosid sedemikian diterima atau didepositkan dengan kami berhubung dengan Akaun Wealth Premium.
- 3.4 Semua cek dan instrumen pembayaran lain yang diterima oleh kami dan didepositkan ke dalam Akaun Wealth Premium adalah tertakluk kepada penentusan, pengesahan dan kelulusan oleh bank-bank pengeluar dan tidak boleh dikeluarkan sehingga prosid telah dijelaskan dan dikreditkan ke dalam Akaun Wealth Premium.
- 3.5 Bagi deposit yang dibuat melalui cek dan/atau instrumen pembayaran bukan tunai yang lain, tarikh nilai akan bermula hanya selepas penerimaan sebenar hasil daripada bank pengeluar. Apa-apa Nasihat Pengesahan yang dikeluarkan oleh kami menurut penempatan deposit adalah tertakluk kepada penjelasan cek dan/atau instrumen pembayaran lain dan hasil yang diterima oleh kami, dan melainkan sehingga perolehan tersebut diterima oleh kami, Nasihat Pengesahan yang tidak akan mengikat kami. Jika cek dan / atau instrumen pembayaran bukan tunai tersebut tidak laku, kami berhak untuk membatalkan penempatan yang dinyatakan dan Nasihat Pengesahan tersebut akan menjadi tidak sah berkuatkuasa serta merta.

4 Overdraft

- 4.1 Anda tidak boleh mengeluarkan amaun lebih daripada Akaun Wealth Premium tanpa kelulusan kami terlebih dahulu. Anda tidak boleh menggunakan Akaun Wealth Premium untuk pengeluaran atau pembayaran atau pemindahan dana melainkan terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun Wealth Premium.
- 4.2 Caj akan dikenakan pada setiap cek yang dikembalikan atau ditolak akibat daripada dana yang tidak mencukupi. Kami mungkin akan menutup Akaun Wealth Premium tanpa memberikan notis terlebih dahulu jika cek terus dikembalikan akibat dana yang tidak mencukupi.
- 4.3 Kami boleh menolak untuk melaksanakan sebarang arahan yang mungkin akan menyebabkan pengeluaran yang melebihi had daripada Akaun Wealth Premium kecuali kali telah bersetuju pada had overdraf tersebut.
- 4.4 Jika kami membenarkan (walaupun kami tidak diwajibkan untuk berbuat demikian) pengeluaran yang melebihi had daripada Akaun Wealth Premium amaun pengeluaran lebih akan dianggap sebagai pendahuluan kepada anda dan anda akan menganggapnya sebagai hutang kepada kami.
- 4.5 Faedah yang dikenakan pada jumlah lebihan tersebut adalah pada kadar 3.5% setahun melebihi Kadar yang Ditentukan atau pada apa-apa kadar lain sebagaimana yang kami mungkin tentukan, kedua-dua sebelum dan selepas penghakiman atau arahan tersebut, dan tidak mengambil kira sama ada hubungan jurubank-pelanggan antara kami dan anda telah dihentikan atau ditamatkan.
- 4.6 Apa-apa faedah yang belum dibayar ke atas sebarang jumlah yang dikeluarkan atau perlu dibayar (termasuk semua faedah terakru dan tertunggak), akan dimodalkan pada penghujung setiap bulan kalendar dan ditambah kepada jumlah prinsipal yang terhutang pada waktu tersebut dan akan dikenakan faedah dengan serta-merta pada Kadar yang Ditentukan.
- 4.7 Kami boleh, pada budi bicara mutlak kami, mengubah Kadar yang Ditentukan atau BR dari semasa ke semasa. Perubahan ini akan berkuat kuasa daripada tarikh yang dinyatakan dalam notis kami yang mungkin diberi menurut Terma dan Syarat ini.

4.8 Jumlah Wang pengeluaran lebihan, faedah ke atas jumlah wang tersebut dan apa-apa jumlah wang lain yang tertunggak atau dijangka dan perlu dibayar oleh anda kepada kami perlu dibayar balik atas permintaan.

5 Pengeluaran

5.1 Anda boleh melakukan pengeluaran dari Akaun Wealth Premium dengan syarat pengeluaran tersebut dilaksanakan mengikut cara berikut:-

- (a) menggunakan Kad Debit di ATM dan/atau EFTPOS;
- (b) melalui kaunter di mana-mana cawangan kami dengan atau tanpa penggunaan Kad Debit, dengan syarat bahawa pengeluaran sedemikian mesti dilakukan oleh anda sendiri dan jika perlu dengan melengkapkan dan menandatangani borang pengeluaran. Kami boleh meminta bukti pengenalan anda, dan boleh menolak pengeluaran jika tandatangan dan pengenalan anda tidak dapat disahkan pada kepuasan kami, atau untuk apa-apa sebab lain yang kami anggap sesuai;
- (c) cek;
- (d) perkhidmatan Perbankan Telefon UOB yang disediakan oleh kami;
- (e) melalui PIB; atau
- (f) apa-apa cara lain yang kami benarkan dari semasa ke semasa.

6 Akaun yang Layak

6.1 Tertakluk kepada mana-mana kriteria kelayakan tambahan yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa, Akaun yang Layak mestilah memenuhi kriteria berikut:-

- (a) Akaun yang Layak yang mempunyai Pemegang Akaun sama yang dikaitkan dengan Akaun Wealth Premium;
- (b) pilihan anda untuk mengaitkan dan tidak mengaitkan Akaun yang Layak dengan Akaun Wealth Premium;
- (c) akaun tersebut bukan akaun amanah;
- (d) akaun tersebut bukan akaun Islamik;
- (e) akaun tersebut tidak dikaitkan dengan mana-mana Akaun Privilege atau mana-mana Akaun Wealth Premium; dan
- (f) akaun tanpa Pemegang Akaun yang sama tidak boleh dikaitkan kepada Akaun Wealth Premium.

6.2 Akaun akan berhenti menjadi Akaun yang Layak dengan serta-merta jika:-

- (a) Akaun yang Layak atau Akaun Wealth Premium ditutup;
- (b) Akaun yang Layak tidak lagi mematuhi sebarang kriteria dalam Klausus 6.1 di atas untuk apa-apa sebab sekalipun; atau

(c) anda tidak mengaitkan akaun dengan Akaun Wealth Premium.

- 6.3 Akaun yang Layak akan ditadbir oleh terma dan syarat lazim yang mentadbir Akaun yang Layak sedemikian ("Terma dan Syarat Akaun yang Layak") berserta dengan Terma dan Syarat ini. Jika terdapat peranggahan berkaitan dengan Akaun yang Layak di antara Terma dan Syarat Akaun yang Layak dan Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat ini akan dikekalkan berhubung dengan ketidaksejajaran tersebut.
- 6.4 Terma dan Syarat ini berhenti digunakan bagi mana-mana Akaun yang Layak apabila Akaun yang Layak tersebut tidak lagi menjadi Akaun yang Layak ("Akaun Tidak Layak").
- 6.5 Tanpa mengira peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini, kami boleh, pada budi bicara mutlak kami, menentukan:-
- (a) jenis akaun yang boleh ditentukan sebagai Akaun yang Layak; atau
 - (b) bahawa akaun bukan lagi suatu Akaun yang Layak dengan memberikan anda pemberitahuan terlebih dahulu;
- tanpa memberi apa-apa sebab.

7 Faedah yang Perlu Dibayar oleh kami kepada anda

Faedah untuk Akaun Wealth Premium

- 7.1 Faedah akan dibayar pada jumlah baki kredit yang melebihi RM5,000 dalam Akaun Wealth Premium pada akhir setiap hari, pada kadar yang ditentukan berdasarkan Aset Di Bawah Pengurusan atau pada kadar lain sedemikian yang kami tetapkan dari semasa ke semasa pada budi bicara mutlak kami, dan dalam Ringgit Malaysia. Faedah akan dikreditkan ke dalam Akaun Wealth Premium pada akhir setiap bulan.
- 7.2 Semua pengiraan untuk Aset Di Bawah Pengurusan berhubung dengan Akaun Wealth Premium akan dijalankan dan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia. Jika mana-mana baki atau nilai yang akan digunakan untuk sebarang pengiraan sedemikian adalah dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, dan semata-matanya untuk tujuan pengiraan, kami akan menukar baki atau nilai tersebut daripada mata wang yang lain ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran sedemikian yang kami tentukan pada budi bicara mutlak kami.
- 7.3 Semua penentuan Aset Di Bawah Pengurusan oleh kami akan dijalankan dengan cara sedemikian dan akan mengambil kira maklumat sedemikian yang kami tentukan atau anggap sesuai pada budi bicara mutlak kami. Jika tiada kesilapan yang nyata, semua penentuan sedemikian berhubung dengan mana-mana Akaun Wealth Premium adalah muktamad dan mengikat anda. Kami berhak untuk membetulkan apa-apa kesilapan dalam mana-mana penentuan sebagaimana yang kami anggap sesuai pada budi bicara mutlak kami.

Faedah untuk Akaun yang Layak

- 7.4 Faedah (jika ada) akan terus terakru ke atas semua Akaun yang Layak menurut Terma dan Syarat Akaun yang Layak.
- 7.5 Walaupun dengan apa-apa peruntukan yang sebaliknya dengan Terma dan Syarat ini, kami boleh pada budi bicara mutlak kami dari semasa ke semasa mengubah dasar pengiraan atau tempoh selang untuk pembayaran Faedah bagi Akaun Wealth Premium dan boleh pada budi bicara mutlak kami memaklumkan anda mengenai perubahan sedemikian melalui notis bertulis

kepada anda mengikut cara yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat ini, dan perubahan tersebut akan berkuat kuasa daripada tarikh yang dinyatakan dalam notis.

8 Fi dan Caj

- 8.1 Anda mungkin perlu membayar fi dan caj untuk penggunaan Akaun Wealth Premium dan fi serta caj sedemikian mungkin dipinda semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada fi yang dinyatakan di bawah dalam klausa ini. Kadar terkini untuk fi dan caj akan disediakan untuk anda di cawangan kami, laman web rasmi di www.uob.com.my atau pada permintaan anda.
- 8.2 Fi penggabungan akaun berjumlah RM5.00 setiap bulan atau jumlah lain sedemikian yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa, pada budi bicara mutlak kami akan dikenakan untuk mengekalkan Akaun Wealth Premium. Ia perlu dibayar melalui pendebitan daripada Akaun Wealth Premium pada penghujung setiap bulan, sebagaimana yang kami anggap sesuai pada budi bicara mutlak kami.
- 8.3 Jika anda menutup Akaun Wealth Premium dalam tempoh tiga (3) bulan dari pembukaannya, caj sebanyak RM20 atau jumlah caj lain sedemikian yang kami mungkin tetapkan dari semasa ke semasa akan perlu dibayar.
- 8.4 Jika anda menutup Akaun Wealth Premium pada bila-bila masa lain, kami akan berhak menerima jumlah seimbang daripada fi yang dikira pada dasar harian sehingga dan termasuk tarikh penutupan Akaun Wealth Premium, dan pembayaran balik penuh semua kos dan perbelanjaan tunai langsung yang ditanggung oleh kami sehingga dan termasuk tarikh penutupan, termasuk sebarang cukai, duti, levi atau fi yang ditanggung bagi pemindahan dana dalam Akaun Wealth Premium menurut Terma dan Syarat ini.
- 8.5 Sekiranya tiada transaksi deposit atau pengeluaran dalam Akaun Wealth Premium untuk tempoh berterusan selama dua belas (12) bulan atau lebih, Akaun Wealth Premium akan menjadi dorman dan akan tertakluk kepada fi dan caj yang kami akan tentukan dari masa ke semasa. Fi dan caj tersebut akan dibayar dengan mendebitkan Akaun Wealth Premium.
- 8.6 Anda perlu memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun Wealth Premium pada setiap masa bagi semua pembayaran termasuk sebarang fi dan caj yang perlu dibayar daripada anda berkaitan dengan Akaun Wealth Premium dan anda memberi kuasa kepada kami untuk mendebitkan bayaran tersebut daripada Akaun Wealth Premium apabila ia perlu dibayar.
- 8.7 Kami boleh, pada budi bicara mutlak kami, dari semasa ke semasa, mengenakan caj perkhidmatan baru atau mengubah atau menyemak semula sebarang fi dan caj yang dikenakan ke atas Akaun Wealth Premium dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu.

9 Mandat/Arahan

- 9.1 Bagi mandat pengendalian untuk mengendali atau menggunakan Akaun Wealth Premium:-
 - (a) jika dipegang oleh individu tunggal, anda mesti memberikan kami semua maklumat mengenai diri anda seperti yang diminta; dan
 - (b) jika dipegang oleh lebih dari satu individu, anda mesti memberikan kami mandat pengendalian untuk mengendalikan Akaun Wealth Premium dan maklumat berkenaan dengan Pemegang-Pemegang Akaun seperti yang diminta oleh kami.

- 9.2 Kami akan bertindak mengikut arahan bertulis anda ditandatangani mengikut mandat pengendalian Akaun Wealth Premium.
- 9.3 Perubahan dalam mandat pengendalian:-
- (a) anda mesti memaklumkan kami dengan serta-merta secara bertulis mengenai sebarang perubahan atau pengubahan dalam mandat pengendalian atau jika anda ingin mengubah tandatangan anda; dan
 - (b) kami berhak mendapat tempoh masa yang berpatutan (tidak kurang dari tujuh (7) Hari daripada tarikh penerimaan) untuk memproses pemakluman perubahan sedemikian. Kami mungkin, pada budi bicara mutlak kami, membayar sebarang cek atau instrumen lain, atau bertindak atas sebarang arahan yang ditandatangani oleh anda sebelum kami memproses pemakluman perubahan sedemikian.
- 9.4 Arahan:-
- (a) Semua arahan yang diberi oleh anda adalah muktamad dan mengikatkan anda.
 - (b) Kami berhak untuk menolak penerimaan atau pelaksanaan sebarang arahan, sama ada untuk pengeluaran atau apa-apa transaksi lain atau apa-apa perkara berhubung dengan Akaun Wealth Premium, jika:-
 - (i) kami tidak dapat mengesahkan identiti anda mengikut kepuasan kami;
 - (ii) kami mempunyai sebarang keraguan mengenai kesahihan, kejelasan atau kesempurnaan arahan;
 - (iii) bentuk atau kandungan arahan sedemikian tidak sejajar dengan keperluan atau polisi atau amalan yang kami tentukan dari semasa ke semasa;
 - (iv) arahan tidak sejajar dengan mandat yang sedang dikuatkuasakan pada masa tersebut berhubung dengan pengendalian Akaun Wealth Premium;
 - (v) kami yakin atau mengesyaki bahawa arahan tersebut tidak dibenarkan, palsu atau dipalsukan;
 - (vi) tandatangan pada arahan berbeza daripada tandatangan contoh dalam rekod kami;
 - (vii) ia menyebabkan Akaun Wealth Premium dikeluarkan melebihi had;
 - (viii) suatu Peristiwa Keingkaran telah berlaku atau sedang berlaku; atau
 - (ix) kami anggap sesuai dalam keadaan tersebut;
- dan kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk sebarang kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang timbul daripada kami akibat penolakan atau keengganinan untuk bertindak.
- 9.5 Kami mungkin bertindak atas sebarang arahan yang kami percaya berniat baik daripada anda, tanpa pertanyaan mengenai:-
- (a) identiti atau kebenaran individu yang memberi atau dikatakan telah memberi arahan sedemikian; atau

- (b) kesahihan arahan itu, walaupun:-
- (i) arahan sedemikian mungkin bercanggah dengan arahan lain yang diberikan oleh anda kepada kami; atau
 - (ii) sebarang kesilapan, salah faham, penipuan, pemalsuan atau kurang kejelasan dalam terma arahan sedemikian.
- 9.6 Sebarang cek atau instrumen lain atau arahan yang diterima selepas kami menerima notis kematian anda tidak akan dilayan atau dilaksanakan, tanpa menghiraukan tarikh pada cek, instrumen atau arahan tersebut.
- 9.7 Jika anda pemegang akaun tunggal, pada kematian, kurang kemampuan mental atau kebankrapan, kami mungkin pada budi bicara mutlak kami menggantung Akaun Wealth Premium tanpa bertanggungjawab kepada anda sehingga kami menerima bukti pada kepuasan kami daripada individu(-individu) yang mempunyai kuasa undang-undang untuk mengendalikan Akaun Wealth Premium tersebut.
- 9.8 Anda memberi kuasa kepada kami untuk bertindak atas apa-apa arahan yang diberikan kepada kami secara bertulis yang ditandatangani dan dihantar melalui pos atau faksimili (atau sepatutnya ditandatangani dan dihantar) oleh anda. Anda menyedari dan mengakui dan menerima risiko salah faham dan kesilapan dalam arahan yang diberikan oleh anda mengikut apa-apa dan kami tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan, liabiliti atau perbelanjaan yang mungkin disebabkan oleh apa-apa salah faham, kesilapan dan arahan yang tidak dibenarkan.
- 9.9 Kami boleh membuat keputusan, mengikut budi bicara mutlak kami, untuk tidak bertindak mengikut arahan atau menerima arahan yang diberikan secara bertulis tanpa apa-apa sebab yang diberikan dan anda bersetuju bahawa kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang dialami oleh anda disebabkan oleh keengganan atau peninggalan kami untuk bertindak ke atas arahan tersebut.
- 9.10 Kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk sebarang kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang mungkin disebabkan oleh:
- (a) apa-apa salah faham, kesilapan, perubahan yang tidak dibenarkan atau arahan, penipuan, pemalsuan, kegagalan operasi atau kekurangan-kekurangan dalam penghantaran arahan anda;
 - (b) apa-apa salah faham, kesilapan atau arahan yang tidak dibenarkan; atau
 - (c) apa-apa kelewatan di pihak kami untuk bertindak ke atas apa-apa arahan.
- 9.11 Anda bersetuju untuk melindungi kami dan melindungi kami sepenuhnya pada setiap masa terhadap apa-apa tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar indemniti penuh) yang timbul dalam apa jua cara sekalipun dari tindakan kami atas arahan daripada anda, atau sebagaimana yang kami fikirkan patut, keengganan bertindak ke atas arahan atau sebahagian daripada arahan tersebut dari anda.
- 9.12 Anda mengakui bahawa kami mungkin melaksanakan apa-apa prosedur dan ciri-ciri keselamatan yang kami anggap sesuai dan/atau diperlukan dari semasa ke semasa untuk mengesahkan identiti anda dan bahawa transaksi tersebut telah dibenarkan oleh anda. Tanpa menjelaskan perkara di atas, kami mungkin memerlukan pengesahan untuk mana-mana arahan daripada anda dalam sebarang bentuk atau cara yang kami anggap sesuai.

10 Akaun Bersama

- 10.1 Jika Akaun Wealth Premium dibuka atau dikekalkan dalam nama lebih dari seorang:
- (a) setiap Pemegang Akaun akan secara bersama dan berasingan untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini (termasuk sebarang pindaan dari semasa ke semasa);
 - (b) kami akan bertindak atas arahan daripada anda menurut mandat bertulis yang anda berikan kepada kami dan setiap Pemegang Akaun akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan untuk semua transaksi yang timbul daripada arahan sedemikian;
 - (c) jika mandat akaun adalah untuk mana-mana satu Pemegang Akaun untuk mengendalikan Akaun Wealth Premium (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran, arahan (samada secara lisan, bertulis atau sebaliknya) dan penutupan Akaun Wealth Premium), anda bersetuju bahawa kami berhak untuk bertindak atas arahan dari hanya satu Pemegang Akaun dan anda akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan untuk semua transaksi yang timbul daripada arahan sedemikian tidak kira sama ada anda:-
 - (i) sedar;
 - (ii) bersetuju dengan, atau
 - (iii) akan mendapat manfaat daripada atau mengalami apa-apa kerugian yang timbul daripada;
- arahan dari Pemegang Akaun lain tersebut.
- (d) jika, walau apa pun mana-mana peruntukan lain di bawah Terma dan Syarat ini, sebelum bertindak atas arahan yang diterima daripada Pemegang Akaun kami menerima arahan yang bercanggah daripada Pemegang Akaun yang lain, kami boleh menolak untuk bertindak dan memerlukan mandat daripada semua Pemegang Akaun bersama dan kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang disebabkan oleh keengganannya itu bertindak;
 - (e) cek dibayar kepada mana-mana Pemegang Akaun bersama boleh didepositkan ke dalam Akaun Wealth Premium; dan
 - (f) kami berhak untuk mendebitkan Akaun Wealth Premium pada bila-bila masa berhubung dengan apa-apa jumlah wang yang bagaimana sekalipun perlu dibayar atau terhutang kepada kami oleh mana-mana Pemegang Akaun di mana nama Akaun Wealth Premium dibuka atau dikekalkan.
- Tiada seorang pun daripada Pemegang Akaun akan dilepaskan, dan tanggungjawab beliau tidak akan terjejas oleh apa-apa pelepasan, pembebasan, masa, kepuasan, konsesi, penepian atau persetujuan pada bila-bila masa yang diberikan atau dilaksanakan berhubung dengan mana-mana satu atau lebih daripada satu Pemegang Akaun lain.
- 10.2 Pada kematian mana-mana Pemegang Akaun bersama:-
- (a) kami boleh pada budi bicara mutlak kami menggantung Akaun Wealth Premium tanpa bertanggungjawab kepada setiap Pemegang Akaun; dan
 - (b) kami dibenarkan untuk memegang sebarang wang yang didepositkan ke dalam Akaun Wealth Premium mengikut arahan Pemegang Akaun yang masih hidup tanpa menjaskan sebarang hak yang kami mungkin ada terhadap wang sedemikian yang timbul daripada, antara lain, sebarang lien, caj, cagaran, penyelesaian atau apa-apa tuntutan atau tuntutan balas lain yang benar atau di luar jangkaan. Sebarang tindakan

yang diambil oleh kami menurut apa-apa arahan yang diberikan oleh Pemegang Akaun yang masih hidup mengikut Klaus 10.3 di bawah akan mengikat setiap Pemegang Akaun serta waris dan wakil peribadi masing-masing.

- 10.3 Pemegang Akaun yang masih hidup boleh mengeluarkan baki kredit dari Akaun Wealth Premium dan mengarahkan kami untuk melepaskan wang dalam baki kredit dari Akaun Wealth Premium kepada dirinya sendiri dan selepas kami bertindak mengikut arahan di atas Pemegang Akaun yang masih hidup, ia hendaklah menjadi suatu pelepasan yang sah dan lengkap tanggungjawab kami berhubung dengan Akaun Wealth Premium.
- 10.4 Doktrin kemandirian akan digunakan bagi mana-mana Akaun Wealth Premium yang dibuka atas nama bersama yang lebih daripada satu orang.
- 10.5 Jika mana-mana Pemegang Akaun bersama menjadi bankrap atau kurang kemampuan, kami mungkin pada budi bicara mutlak kami menggantung Akaun Wealth Premium tanpa bertanggungjawab kepada Pemegang Akaun sehingga kami menerima bukti pada kepuasan kami daripada individu(-individu) yang mempunyai kuasa undang-undang untuk mengendali Akaun Wealth Premium tersebut.
- 10.6 Kami akan menghantar hanya satu notis atau komunikasi kepada alamat surat-menjurat yang dinyatakan oleh Pemegang Akaun secara bertulis selaras dengan mandat yang pada masa itu berkuat kuasa berkenaan dengan Akaun Wealth Premium, dan notis atau komunikasi ini hendaklah disifatkan telah dihantar ke semua Pemegang Akaun.

11 Penyata Akaun

- 11.1 Kami akan mengeluarkan Penyata Akaun yang mencatatkan transaksi dan baki berhubung dengan Akaun Wealth Premium pada dasar bulanan atau tempoh selang lain sedemikian yang kami anggap sesuai.
- 11.2 Sekiranya tiada transaksi deposit atau pengeluaran dalam Akaun Wealth Premium untuk jangka masa berterusan selama dua belas (12) bulan atau lebih dari tarih transaksi terakhir, Akaun Wealth Premium akan menjadi tidak aktif dan tiada Penyata Akaun akan dikeluarkan untuk bulan tersebut. Sekiranya Akaun Wealth Premium terus menjadi tidak aktif tanpa urus niaga, Penyata Akaun suku tahunan akan dikeluarkan pada setiap suku tahun atau selang masa lain yang kami anggap sesuai.
- 11.3 Penyata Akaun akan memberi maklumat berhubung dengan Akaun Wealth Premium dan semua Akaun yang Layak sebagaimana yang kami anggap sesuai. Sebarang permintaan untuk penyata tambahan hendaklah dibuat secara bertulis dan permintaan tersebut akan tertakluk kepada caj yang kami anggap sesuai pada permintaan sedemikian. Caj sedemikian akan didebitkan daripada Akaun Wealth Premium.
- 11.4 Pada budi bicara mutlak kami, Penyata Akaun boleh dikeluarkan kepada anda sebagai ganti kepada sebarang penyata bulanan yang lain berhubung dengan mana-mana Akaun yang Layak.
- 11.5 Apabila Akaun Wealth Premium dipegang bersama oleh lebih dari seorang Pemegang Akaun, kami akan menghantar hanya satu Penyata Akaun kepada alamat surat-menjurat yang dinyatakan secara bertulis oleh Pemegang Akaun selaras dengan mandat yang sedang dikuatkuasakan pada masa tersebut berhubung dengan pengendalian Akaun Wealth Premium.
- 11.6 Kami mungkin menghantar Penyata Akaun melalui pos biasa pada penghujung setiap bulan atau pada tempoh selang sedemikian yang kami mungkin anggap sesuai. Jika anda telah berjaya mendaftar untuk mendapatkan Perkhidmatan ePenyata kami, tiada salinan cetak penyata fizikal akan dihantar. Jika anda telah berjaya mendaftar untuk mendapatkan Perkhidmatan ePenyata

kami, satu salinan cetak Penyata Akaun masih boleh dihantar kepada anda pada permintaan anda tertakluk kepada bayaran caj lazim kepada kami.

- 11.7 Anda bersetuju bahawa anda bertanggungjawab untuk:-
- (a) memeriksa semua kemasukan dalam Penyata Akaun;
 - (b) melaporkan kepada kami dengan serta-merta jika terdapat sebarang kesilapan, peninggalan atau ketidaktepatan di dalam Penyata Akaun dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Penyata Akaun;
 - (c) menandatangani dan mengembalikan sebarang slip pengesahan, termasuk yang berkenaan dengan tujuan audit (jika diperlukan untuk berbuat demikian);
 - (d) memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta jika anda tidak menerima Penyata Akaun dalam tempoh lima belas (15) hari daripada tarikh jangkaan penerimaan; dan
 - (e) memantau semua baki anda pada setiap masa dan melaporkan kepada kami jika anda mendapati sebarang transaksi tidak dibenarkan telah berlaku.
- 11.8 Jika kami tidak menerima sebarang bantahan secara bertulis daripada anda di bawah Klausus 11.7(b) dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Penyata Akaun, anda akan dianggap secara muktamad:-
- (a) telah menerima, dan akan terikat oleh kesahan, kebenaran dan ketepatan kemasukan dalam Penyata Akaun serta baki yang dinyatakan dalam Penyata Akaun; dan
 - (b) telah menentusah dan mengesahkan setiap dan semua transaksi yang diwakili oleh kemasukan yang dinyatakan dalam Penyata Akaun.
- Kemasukan di dalam Penyata Akaun akan dianggap sebagai bukti muktamad bagi arahan anda kepada kami untuk melaksanakan transaksi yang dinyatakan dalam Penyata Akaun. Anda tidak boleh melakukan tuntutan terhadap kami yang timbul daripada, berkaitan dengan atau akibat daripada mana-mana transaksi yang dirujuk dalam Penyata Akaun.
- 11.9 Kami berhak untuk menyesuaikan, membalikkan, atau membatalkan apa-apa kemasukan ke dalam Penyata Akaun atau mendebitkan Akaun Wealth Premium pada bila-bila masa jika kami:-
- (a) perlu membetulkan sebarang kesilapan atau peninggalan;
 - (b) perlu memulangkan dana yang telah dikreditkan secara silap ke dalam Akaun Wealth Premium; atau
 - (c) kami belum menerima dana yang dijelaskan atau tanpa syarat sepenuhnya atau tepat pada masanya.

Mana-mana kemasukan dalam Penyata Akaun yang dibetulkan akan terikat pada anda.

12 Kad Debit

- 12.1 Pada pembukaan Akaun Wealth Premium, Kad Debit akan dikeluarkan kepada anda. Anda dikehendaki untuk mengambil Kad Debit dari cawangan kami dan memilih PIN anda dengan menaip PIN pilihan anda ke dalam pad PIN yang disediakan di cawangan kami. Semua transaksi

yang dilaksanakan melalui penggunaan PIN dan Kad Debit adalah muktamad dan mengikat anda.

- 12.2 Anda bersetuju dan berjanji untuk menjaga dan mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad Debit, pendedahan PIN atau penggunaan Kad Debit tanpa kebenaran dan mesti secepat yang semunasabahnya dapat dilaksanakan memberitahu Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami dengan menghubungi (+6)03-2612 8121 atau menghantar e-mel kepada uobcustomerservice@uob.com.my. Anda memahami bahawa kegagalan untuk menjaga dan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menjaga Kad Debit atau PIN anda mungkin mendedahkan anda kepada risiko kecurian dan / atau penggunaan Kad Debit tanpa kebenaran.
- 12.3 Anda mesti membuat susulan pemberitahuan anda dalam Klaus 12.2 dengan pengesahan bertulis dan mengemukakan apa-apa dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh kami termasuk tetapi tidak terhad kepada satu salinan laporan polis yang difailkan berkenaan dengan kehilangan atau kecurian Kad Debit dan/atau pendedahan PIN anda dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh kehilangan/kecurian dan/atau pendedahan.
- 12.4 Anda akan bertanggungjawab untuk apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan yang memerlukan pengesahan PIN jika anda telah:
 - (a) melakukan penipuan;
 - (b) menangguhkan tindakan untuk memberitahu kami secepat yang semunasabahnya dapat dilaksanakan selepas menemui kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit anda;
 - (c) secara sukarela dedahkan PIN anda kepada orang lain; atau
 - (d) merekodkan PIN anda pada Kad Debit, atau pada apa-apa disimpan berdekatan dengan Kad Debit anda dan boleh hilang atau dicuri dengan Kad Debit anda;
- 12.5 Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi yang tidak dibenarkan yang memerlukan tandatangan yang telah disahkan atau transaksi tanpa sentuh, jika anda telah:
 - (a) melakukan penipuan;
 - (b) menangguhkan tindakan untuk memberitahu kami secepat yang semunasabahnya dapat dilaksanakan selepas menemui kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit anda;
 - (c) membiarkan Kad Debit atau butiran yang mengandungi Kad Debit anda, tanpa jagaan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan didapati oleh orang lain; atau
 - (d) secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad Debit anda.
- 12.6 Kami berhak, pada bila-bila masa tanpa pemberian notis dan sebagaimana yang ditentukan oleh kami:-
 - (a) mengenakan caj dan fi untuk penggunaan Kad Debit dan untuk mengantikan Kad Debit yang hilang atau dicuri;
 - (b) meminta pengembalian atau pengekalan Kad Debit sebab Kad Debit tersebut adalah hak milik kami dan anda bersetuju untuk mengembalikannya dengan secepat mungkin pada permintaan kami;

- (c) pada permintaan anda, membenarkan mana-mana Kad Debit untuk digunakan atau terus digunakan berhubung dengan mana-mana akaun lain sebagai tambahan atau sebagai ganti kepada Akaun Wealth Premium yang ditetapkan oleh anda pada permulaannya; dan
- (d) mengeluarkan Kad Debit kepada mana-mana Pemegang Akaun bersama yang boleh mengendalikan Akaun Wealth Premium secara tunggal jika Akaun Wealth Premium berada dalam nama bersama.
- 12.7 Anda bersetuju bahawa kami mungkin akan terus mendebitkan Akaun Wealth Premium walaupun jika Akaun Wealth Premium telah ditamatkan, sehingga semua Kad yang dikeluarkan telah dikembalikan kepada kami.
- 12.8 Dengan penerimaan Kad dan PIN, anda bersetuju bahawa anda akan melindungi dan kekal melindungi kami daripada semua tuntutan, permintaan, tindakan dan prosiding yang mungkin diambil terhadap kami dan semua ganti rugi, liabiliti, kerugian dan perbelanjaan (termasuk semua fi dan kos guaman yang bagaimana sekalipun ditanggung) yang kami mungkin tanggung atau alami secara langsung akibat daripada penggunaan Kad atau PIN dengan atau tanpa kebenaran anda atau akibat daripada kecuaian, salah laku atau pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat ini oleh anda.
- 12.9 Kad ini tidak boleh dipindahkan kepada individu lain dan mesti digunakan sejajar dengan Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat UOB Debit MasterCard.

13 Nombor Pengenalan Peribadi (PIN)

- 13.1 Anda boleh, pada bila-bila masa, tukar PIN anda di mana-mana cawangan atau ATM kami.
- 13.2 Anda perlu mengambil segala langkah munasabah untuk memastikan dan mencegah sebarang penggunaan tanpa kebenaran dan/atau penipuan bagi PIN anda pada setiap masa dan untuk menyimpan telefon bimbit yang menerima kata laluan sekali selamat apabila anda melakukan transaksi atas talian dengan selamat. Anda bersetuju bahawa PIN anda adalah sulit dan berjanji untuk tidak mendedahkan atau membongkarnya dalam apa-apa cara yang menyebabkan PIN anda didedahkan atau terbongkar kepada mana-mana individu melalui e-mel yang tidak diingini atau pada mana-mana laman web selain dari laman web rasmi kami di www.uob.com.my atau melalui apa-apa cara lain. Anda harus menghafal PIN anda dan tidak menyimpan rekod bertulis PIN anda di mana-mana tempat atau apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Debit anda atau dalam apa-apa cara yang mungkin membolehkan pihak ketiga untuk mendapat akses kepada atau menggunakan PIN anda. Anda tidak harus menggunakan PIN yang umum, seperti nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu, tarikh lahir atau nombor telefon anda. Anda bersetuju bahawa kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat ini boleh mendedahkan anda kepada risiko kecurian atau penggunaan tidak sah untuk Kad Debit, di mana anda mungkin akan dipertanggungjawabkan untuk semua transaksi yang dilakukan di bawah Kad Debit, sama ada transaksi tersebut dilakukan dengan pengetahuan atau kebenaran anda atau sebaliknya.
- 13.3 Jika anda mengesyaki atau menyedari, sama ada amaran transaksi dari kami melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) yang berhubungan dengan transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad Debit anda atau sebaliknya, bahawa –
- (a) seseorang yang tidak dibenarkan mengetahui PIN anda;
- (b) terdapat akses tanpa kebenaran untuk Kad Debit, Akaun Wealth Premium atau penggunaan PIN anda;
- (c) Kad Debit anda hilang atau dicuri;

- (d) terdapat transaksi yang tidak dibenarkan dalam Akaun Wealth Premium anda; atau
 - (e) terdapat transaksi yang tidak dibenarkan menggunakan Kad Debit;
- anda mesti memaklumkan kami dengan serta-merta dan mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam Klausu 12.2 dan 12.3 di atas dan memotong Kad Debit anda separuh. Anda juga perlu memberi apa-apa maklumat berkaitan dan bantuan yang munasabah dalam penyiasatan perkara tersebut.
- 13.4 Sebaik sahaja anda memaklumkan kami dan mematuhi keperluan dalam Klausu 13.3, kami boleh, pada permintaan anda dan pada budi bicara mutlak kami, menggantikan Kad Debit dan mengeluarkan semula Kad Debit kepada anda, tertakluk kepada caj sedemikian yang kami mungkin kenakan dari semasa ke semasa.

14 Perwakilan dan Jaminan

- 14.1 Penerimaan permohonan anda oleh kami bagi pembukaan Akaun Wealth Premium adalah bergantung kepada perwakilan dan jaminan seperti berikut yang telah dilakukan oleh anda, di mana kesemuanya mesti dipatuhi dalam segala perkara penting sepanjang tempoh pengekalan Akaun Wealth Premium:-
- (a) anda mempunyai kuasa penuh, hak, keupayaan dan autoriti untuk menerima dan bersetuju dengan Terma dan Syarat ini dan melaksanakan Terma dan Syarat ini;
 - (b) tiada individu lain selain daripada anda mempunyai kepentingan dalam Akaun Wealth Premium;
 - (c) anda tidak mewujudkan sebarang lien, caj, cagaran, pemindahan, penyerahan hak atau sebaliknya membebankan wang yang didepositkan ke dalam Akaun Wealth Premium atau mana-mana akaun anda yang dipegang oleh kami, sama ada secara tunggal atau bersama;
 - (d) bahawa tidak ada tindakan undang-undang (sama ada civil atau jenayah) timbang tara atau pentadbiran prosiding yang belum selesai, berterusan atau diancam terhadap anda;
 - (e) bahawa anda tidak melakukan apa-apa tindakan kebankrapan dan tiada prosiding kebankrapan telah dimulakan atau diancam terhadap anda;
 - (f) bahawa anda boleh membayar hutang anda apabila tiba masanya dan tiada prosiding penggulungan telah dimulakan atau diancam terhadap anda;
 - (g) bahawa anda telah memfailkan semua pulangan cukai yang diperlukan oleh undang-undang untuk difailkan dan telah membayar atau menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi pembayaran semua cukai, penilaian, fi dan caj kerajaan lain yang telah dinilai terhadap anda atau atas hartanah, aset, perniagaan dan pendapatan anda;
 - (h) bahawa tidak ada Peristiwa Keingkaran yang telah berlaku atau berterusan;
 - (i) bahawa tidak terdapat sebarang perubahan dalam keadaan kewangan anda yang akan menjaskan secara ketara dan memburukkan keupayaan anda untuk melaksanakan tanggungjawab di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (j) bahawa semua maklumat yang diberikan oleh anda kepada kami berhubung dengan Akaun Wealth Premium tidak mengandungi apa-apa kenyataan yang tidak benar atau mengelirukan atau tidak menyatakan apa-apa fakta;

- (k) bahawa anda tidak mengetahui dan tidak sengaja menyembunyikan sebarang maklumat atau fakta yang mungkin mengakibatkan atau membawa kepada pembukaan Akaun Wealth Premium, yang menyebabkan kami melanggar sebarang Undang-undang yang Digunakan;
 - (l) bahawa anda tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang dan semua wang yang diberikan kepada kami tidak diperolehi dalam apa cara sekalipun daripada aktiviti haram;
 - (m) bahawa anda bukan:-
 - (i) seorang rakyat mana-mana negara yang tertakluk kepada Sekatan; atau
 - (ii) seseorang yang disenaraikan dalam sebarang senarai individu yang disekat yang diterbitkan oleh mana-mana kerajaan, institusi atau agensi kerajaan, pengawal selia atau pihak berkuasa atau disediakan oleh Kumpulan; dan
 - (n) kecuali dengan kebenaran bertulis nyata oleh kami, tiada individu telah atau akan mempunyai apa-apa cagaran atau bebanan lain ke atas Akaun Wealth Premium.
- 14.2 Perwakilan dan jaminan di atas akan dianggap berulang setiap kali anda memberikan sebarang arahan berhubung dengan Akaun Wealth Premium.

15 Penutupan / Penggantungan Akaun Wealth Premium

- 15.1 Anda boleh meminta untuk menutup Akaun Wealth Premium dengan memberikan arahan bertulis kepada kami dan menyelesaikan semua baki yang belum dijelaskan (termasuk fi, caj dan apa-apa kos lain) jika ada, yang perlu dibayar kepada kami.
- 15.2 Walaupun dengan apa-apa yang diperuntukkan dalam Klausus 15.1 di atas, kami boleh menutup, menarik balik atau menggantung Akaun Wealth Premium:-
 - (a) sebagaimana yang kami anggap sesuai dengan pemberian notis terlebih dahulu kepada anda;
 - (b) jika tiada baki dalam Akaun Wealth Premium dan tiada transaksi berterusan selama selama 12 bulan dan baki agregat dalam Akaun Semasa sepanjang tempoh tersebut ialah RM10.00 atau kurang. Kami akan memberi notis bertulis kepada anda selepas penutupan atau penggantungan Akaun Wealth Premium tersebut;
 - (c) jika pada pendapat kami, anda tidak mematuhi sebarang Undang-undang yang Digunakan;
 - (d) jika pada pendapat kami, Akaun Wealth Premium tidak dikendalikan dengan cara yang lazim dan sepatutnya;
 - (e) jika anda, atau mana-mana Pemegang Akaun bersama, mengancam untuk melanggar atau anda telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini atau terma dan syarat lain dan/atau syarat-syarat yang dikenakan ke atas anda atau mana-mana perjanjian lain sama ada yang berhubung dengan peminjaman dana atau pemberian pendahuluan atau kredit atau sebaliknya;
 - (f) jika sebarang perwakilan, jaminan atau perjanjian yang dilakukan oleh anda kepada kami telah atau akan menjadi tidak tepat atau mengelirukan dari segi material;

- (g) jika anda gagal membayar apa-apa wang yang anda perlu membayar kepada kami pada mana-mana tarikh matang atau jika anda gagal melaksanakan sebarang kewajipan atau liabiliti yang perlu dijelaskan kepada kami;
- (h) jika anda meninggal dunia atau menjadi tidak waras;
- (i) jika anda menjadi bankrap atau tidak mampu bayar atau membenarkan apa-apa penghakiman tidak diselesaikan selama tempoh dua puluh satu (21) hari;
- (j) jika anda melakukan apa-apa tindakan kebankrapan atau tidak dapat membayar hutang anda, sebagaimana kes yang mungkin berlaku, atau menggantung hutang anda, sebagaimana kes yang mungkin berlaku, atau memasuki apa-apa gabungan atau pengaturan dengan atau bagi faedah pembiutang anda, sebagaimana kes yang mungkin berlaku;
- (k) jika petisyen kebankrapan dikemukakan terhadap anda;
- (l) jika pelaksanaan atau apa-apa bentuk tindakan pemulihan atau penguatkuasaan dikenakan atau diambil terhadap mana-mana aset anda;
- (m) jika anda memindahkan atau melupuskan atau bertujuan untuk memindahkan atau melupuskan sebahagian besar aset anda, sebagaimana kes yang mungkin berlaku;
- (n) jika pada pendapat kami, terdapat sebarang perubahan atau perubahan yang mungkin berlaku dalam:-
 - (i) keadaan yang akan menjelaskan dan memburukkan keadaan kewangan anda secara ketara atau keupayaan anda untuk melaksanakan kewajipan anda di bawah Terma dan Syarat ini; atau
 - (ii) status anda sebagai seorang warganegara atau pemastautin Malaysia;
- (o) jika sesuatu notis atau cadangan untuk pengambilan paksa mana-mana harta tanah anda dikeluarkan atau dilakukan di bawah sebarang undang-undang;
- (p) jika apa-apa cek anda tidak laku;
- (q) jika anda disenarai hitam menurut garis panduan DCHEQS atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;
- (r) jika mana-mana akaun anda dengan kami ditukar atau ditutup oleh kami untuk apa-apa sebab sekalipun;
- (s) jika anda gagal melaksanakan sebarang kewajipan atau liabiliti kepada kami dan kepada mana-mana individu lain;
- (t) jika anda melakukan keingkaran untuk apa-apa pinjaman, kemudahan atau pengaturan yang sama dengan mana-mana individu (termasuk kami) yang memberi hak kepada pembiutang berkenaan (termasuk kami) untuk menuntut pembayaran balik pinjaman, kemudahan atau pengaturan tersebut sebelum tarikh matangnya, untuk menarik balik pinjaman, kemudahan atau pengaturan tersebut, atau untuk menguatkuasakan jaminan bagi pinjaman, kemudahan atau pengaturan tersebut;
- (u) jika terdapat keingkaran dalam pembayaran apa-apa wang di bawah akaun mana-mana individu lain yang diberikan jaminan oleh anda;

- (v) jika terdapat sebarang tindakan undang-undang (sama ada sivil atau jenayah) prosiding timbang tara atau pentadbiran yang belum selesai, berterusan atau akan dilaksanakan terhadap anda;
- (w) jika kami mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Akaun Wealth Premium atau mana-mana bahagian daripadanya digunakan untuk sebarang aktiviti haram;
- (x) jika terdapat apa-apa penyiasatan oleh pihak polis atau organisasi polis, badan atau agensi kerajaan, suruhanjaya anti rasuah atau agensi atau pengawal selia (di Malaysia atau di tempat lain) yang belum selesai, berterusan atau akan dilaksanakan terhadap anda;
- (y) jika anda didakwa atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah atau mempunyai sebarang rekod jenayah;
- (z) jika terdapat apa-apa laporan yang diambil terhadap anda di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (seperti yang dipinda atau digantikan dari masa ke semasa);
- (aa) jika lokasi anda tidak diketahui kami;
- (bb) jika anda menjadi seorang Rakyat AS; atau
- (cc) jika kami memutuskan pada budi bicara tunggal kami bahawa penerusan Akaun Wealth Premium mungkin boleh menjelaskan kedudukan kami sendiri; budi bicara kami adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada pertanyaan daripada anda.

15.3 Apabila mana-mana kejadian dalam Klausa 15.1 dan 15.2 di atas berlaku: -

- (a) kami tidak akan mempunyai apa-apa kewajipan dan/atau komitmen selanjutnya kepada anda berhubung dengan Akaun Wealth Premium;
- (b) kami boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk) menggantung (selama-lamanya atau sebaliknya) atau menutup Akaun Wealth Premium, atau hubungan kami dengan anda dan semua wang serta faedah yang terhutang kepada kami pasa masa tersebut di bawah Akaun Wealth Premium akan perlu dibayar dengan serta-merta pada tuntutan kami;
- (c) kami boleh menggunakan wang yang didepositkan ke dalam Akaun Wealth Premium terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripadanya dan/atau jumlah yang anda berhutang kepada kami;
- (d) kami boleh memohon sebarang jumlah kredit dalam mana-mana akaun yang andakekalkan dengan kami terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripadanya dan/atau jumlah yang anda hutang kepada kami; atau
- (e) kami akan berhak untuk menggunakan apa-apa hak atau kuasa:-
 - (i) yang kami mungkin miliki di bawah mana-mana Terma dan Syarat ini; dan
 - (ii) yang mungkin disediakan kepada kami dari segi undang-undang;

tanpa memberi apa-apa notis terlebih dahulu kepada anda, kecuali dinyatakan sebaliknya dengan jelas.

- 15.4 Anda tidak boleh menggunakan Akaun Wealth Premium untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- 15.5 Kami akan mengambil semua tindakan yang dianggap sesuai bagi membolehkan kami memenuhi sebarang tanggungjawab atau keperluan di Malaysia atau di tempat lain di dunia berhubung dengan pencegahan apa-apa aktiviti haram termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti pengganas, rasuah, sogokan atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan apa-apa sekatan ekonomi atau perdagangan. Tindakan yang kami boleh ambil termasuk menutup Akaun Wealth Premium dengan serta-merta, membuat laporan dan mengambil apa-apa tindakan lain yang kami anggap sesuai.
- 15.6 Sebarang penutupan atau pembatalan atau pengantungan Akaun Wealth Premium oleh kami tidak melayakkan anda untuk membuat tuntutan bagi apa-apa pampasan terhadap kami untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh anda sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada pembatalan atau pengantungan tersebut.
- 15.7 Bagi kejadian penutupan di bawah Klausus 15.1, 15.2(a) dan 15.2(b), sebelum tarikh penutupan, anda akan mengarahkan kami mengenai cara yang betul bagi pelupusan atau pemindahan wang dalam Akaun Wealth Premium.
- 15.8 Pada penutupan/pembatalan Akaun Wealth Premium, anda mesti:
- (a) membayar semua fi, kos, caj, perbelanjaan, cukai, duti, levi dan jumlah terakru sehingga tarikh penutupan/pembatalan Akaun Wealth Premium;
 - (b) memulangkan semua cek yang tidak digunakan dan Kad Debit dengan serta-merta; dan
 - (c) memaklumkan semua pedagang yang telah dibenarkan oleh anda untuk melakukan debit langsung ke dalam Akaun Wealth Premium anda mengenai penutupan/pembatalan tersebut. Kami tidak bertanggungjawab untuk membayar pedagang anda di bawah kuasa debit langsung anda.
- 15.9 Jika terdapat apa-apa obligasi pembayaran oleh kami kepada anda selepas penutupan atau pembatalan Akaun Wealth Premium, kami akan mengeluarkan dan menghantar draf bank atau perintah juruwang dibuat atas nama anda, melalui pos ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod kami. Selepas kami bertindak mengikut peruntukan di atas, ia hendaklah menjadi pelepasan yang sah dan lengkap bagi tanggungjawab kami berhubung dengan Akaun Wealth Premium.

16 Agen Kami

- 16.1 Kami mungkin menggunakan perkhidmatan mana-mana bank atau agen di mana-mana lokasi yang dianggap wajar berhubung dengan sebarang pengutipan atau transaksi perbankan lain bagi anda. Bank atau agen sedemikian akan dianggap sebagai agen dan kami tidak dalam apa-apa keadaan, bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh anda untuk apa-apa tindakan atau peninggalan oleh mana-mana bank atau agen tersebut, atau untuk sebab kehilangan, kecurian, kemusnahan atau penghantaran lewat sebarang instrumen ketika dalam transit atau berada dalam milikan mana-mana bank atau agen sedemikian. Semua caj yang ditanggung oleh kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos, perbelanjaan, pembayaran, cukai, duti atau levi, adalah untuk Akaun Wealth Premium anda.

17 Sekatan dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram

- 17.1 Anda mesti menyediakan dan mendedahkan kepada kami dalam tempoh masa yang kami

tetapkan, sebarang kenyataan maklumat dan penjelasan yang berkaitan dengan Akaun Wealth Premium yang kami anggap perlu untuk:-

- (a) mematuhi undang-undang atau Sekatan di Malaysia atau mana-mana negara lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram atau pencegahan keganasan); dan/atau
 - (b) menguruskan risiko pengubahan wang haram atau risiko pembiayaan keganasan atau risiko ekonomi dan sekatan perdagangan.
- 17.2 Sementara menunggu kami menerima maklumat dari anda dan sehingga kami mengesahkan maklumat pada kepuasan kami, kami tidak diwajibkan untuk meneruskan sebarang transaksi atau pengeluaran.
- 17.3 Anda mengakui dan berjanji kepada kami bahawa pemprosesan mana-mana transaksi tidak akan melanggar sebarang undang-undang atau Sekatan di Malaysia atau mana-mana negara lain. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian yang timbul daripada apa-apa kelewatan atau kegagalan memproses mana-mana transaksi disebabkan oleh maklumat dan dokumentasi yang tidak mencukupi yang disediakan oleh anda.

18 Penyimpanan Rekod Anda

- 18.1 Anda bersetuju bahawa kami tidak diwajibkan untuk mengekalkan sebarang rekod Akaun Wealth Premium, termasuk tetapi tidak terhad kepada borang pembukaan akaun, Penyata Akaun, imej cek, slip deposit dan pengeluaran, surat-menyerat atau dokumen berhubung dengan Akaun Wealth Premium, melebihi sebarang tempoh pengekalan seperti yang dinyatakan di bawah polisi dalaman, garis panduan dan prosedur kami dan/atau sebagaimana yang diperuntukkan di bawah sebarang Undang-undang yang Digunakan.

19 Cukai, Duti atau Levi

- 19.1 Anda bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai atau levi lain yang, pada tarikh pembukaan Akaun Wealth Premium atau pada mana-mana tarikh selepas tarikh pembukaan Akaun Wealth Premium, diperlukan oleh undang-undang atau peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang sedemikian (dan akan termasuk apa-apa pindaan yang dilakukan kepada sebarang undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan sedemikian) untuk dibayar kepada sesiapa atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, berhubung dengan apa-apa wang yang dikenakan atau ditanggung oleh kami berhubung dengan Akaun Wealth Premium.
- 19.2 Sebarang cukai atau levi lain yang ditanggung oleh kami berhubung dengan Akaun Wealth Premium dan apa-apa barang atau perkhidmatan lain yang disediakan di bawah Akaun Wealth Premium akan ditanggung dan dikenakan kepada anda dan jika kami melakukan pembayaran, anda akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada kami amaun sedemikian yang telah dibayar.

20 Hak untuk Mendebit

- 20.1 Tanpa menjelaskan apa-apa hak lain yang kami mungkin miliki di bawah Terma dan Syarat ini atau melalui undang-undang, kami boleh, pada bila-bila masa, pada budi bicara kami, dan tanpa memberikan anda apa-apa notis terlebih dahulu, mendebitkan Akaun Wealth Premium anda atau mana-mana akaun lain (termasuk baki dalam mana-mana akaun overdraf) yang anda mungkinkekalkan dengan kami sama ada secara bersendirian atau dengan mana-mana individu lain yang

mempunyai apa-apa wang sekalipun yang perlu dibayar oleh anda kepada kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos, perbelanjaan, pembayaran, cukai, duti atau levi.

- 20.2 Jika ada Peristiwa Keingkaran, sebarang pendebitan akaun anda dengan kami tidaklah terjumlah kepada pengecualian Peristiwa Keingkaran tersebut.
- 20.3 Jika apa-apa pendebitan mana-mana akaun anda menyebabkan akaun terlebih keluar, faedah pada kadar lazim sebagaimana yang kami mungkin kenakan dan tentukan dari semasa ke semasa perlu dibayar kepada kami dengan sewajarnya.

21 Hak Penyelesaian dan Penggabungan

- 21.1 Sebagai tambahan kepada sebarang hak am untuk menolak selesai di bawah undang-undang atau mana-mana perjanjian lain, anda bersetuju bahawa kami boleh, pada budi bicara mutlak kami, tanpa pemberian notis kepada anda, menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana Akaun anda (sama ada Akaun Wealth Premium, akaun semasa, deposit, pinjaman atau sebaliknya) dengan kami, sama ada secara tunggal atau bersama dengan mana-mana individu lain. Anda membenarkan kami, selepas memberikan anda notis tujuh (7) hari, untuk menolak selesai atau memindah sebarang jumlah tertunggak yang berada dalam kredit untuk mana-mana akaun sedemikian (sama ada matang atau sebaliknya) ("Deposit") untuk atau terhadap penyelesaian liabiliti anda di bawah Terma dan Syarat ini, di bawah mana-mana perjanjian lain dan/atau untuk apa-apa perkara, sama ada liabiliti tersebut adalah untuk masa kini atau masa hadapan, sebenar atau di luar jangkaan, utama atau kolateral, dan berasingan atau bersama ("Liabiliti").
- 21.2 Pada pengeluaran notis yang dinyatakan dalam Klausus 23.1 Terma dan Syarat ini, anda bersetuju bahawa kami berhak untuk menguntukkan atau memegang Deposit tersebut, sebelum penyelesaian, dan anda tidak layak untuk mengeluarkan sebarang Deposit tanpa persetujuan bertulis kami terlebih dahulu.
- 21.3 Di mana penyatuan, penyelesaian, penggabungan atau pemindahan memerlukan penukaran dari satu mata wang ke yang lain, penukaran sedemikian akan dikira pada kadar pertukaran lazim kami seperti yang kami tentukan pada budi bicara mutlak kami.
- 21.4 Jika terdapat kekurangan antara jumlah yang perlu dibayar dan jumlah yang direalisasikan, anda mesti membayar jumlah perbezaan tersebut kepada kami dengan serta-merta apabila diminta, dan sehingga kami menerima bayaran sepenuhnya, anda juga perlu membayar faedah ke atas baki tersebut pada kadar sedemikian yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa, selepas dan sebelum apa-apa pengadilan, dan tidak mengira sama ada hubungan bank dan pelanggan antara anda dan kami telah berhenti atau ditamatkan.
- 21.5 Deposit atau mana-mana hak, hak milik atau kepentingan anda dalamnya tidak boleh diserah hak, dipindah atau dibebankan (melainkan memihak kepada kami atau dengan kebenaran bertulis kami). Anda berjanji tidak, atau tidak bertujuan untuk, menjual, menyerah hak, memindah, menggadai janji, mengenakan caj atau sebaliknya mengurus atau membebangkan Deposit atau mana-mana hak, hak milik atau kepentingan anda dalamnya, dan sebarang penyerahan hak, pemindahan, gadai janji, caj atau urusan lain sedemikian akan terbatal.
- 21.6 Selagi anda berhutang wang atau tanggungan (dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul) kepada kami, anda hanya boleh mengeluarkan jumlah yang didepositkan ke dalam Akaun Wealth Premium atau baki kredit daripada mana-mana akaun anda dengan kami, dengan kebenaran kami. Kami boleh pada bila-bila masa menahan sebarang jumlah yang didepositkan ke dalam Akaun Wealth Premium atau baki kredit anda sementara menunggu penyelesaian penuh semua wang atau tanggungan yang perlu dibayar kepada kami.

22 Terma dan Syarat Akaun

- 22.1 Anda bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun Semasa, Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun Deposit Tetap dan Terma dan Syarat Debit Mastercard UOB, termasuk sebarang pemindaan kepada terma dan syarat sedemikian, yang dilaksanakan dari semasa ke semasa pada budi bicara mutlak kami (secara kolektif dirujuk sebagai "Terma dan Syarat Akaun") akan dianggap telah dimasukkan ke dalam Terma dan Syarat ini. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan di antara Terma dan Syarat Akaun dan Terma dan Syarat ini berkenaan dengan Akaun Wealth Premium, Terma dan Syarat ini akan dikekalkan.

23 Tiada Penyelesaian atau Tuntutan Balas oleh Pemegang Akaun

- 23.1 Sehingga semua wang yang terhutang telah dibayar atau diselesaikan dengan sepenuhnya, anda tidak akan berhak untuk menuntut sebarang penyelesaian atau tuntutan balas terhadap kami berkaitan dengan sebarang liabiliti kami kepada anda, dengan membayar sebarang jumlah yang boleh didapatkan kembali oleh kami atau dengan apa cara sekalipun atau pada apa-apa alasan lain. Anda bersetuju bahawa tiada apa-apa dalam pengaturan antara kami akan dianggap sebagai mengandungi perjanjian tersirat yang mengehadkan atau menafikan sebarang lien, caj, jaminan, hak penyelesaian atau hak lain yang telah diwujudkan oleh kami atau tersirat dari segi undang-undang.

24 Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB

- 24.1 Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, jika anda meminta perkhidmatan kami melalui Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB, Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB akan digunakan sebagai tambahan kepada dan bukan penggantian untuk mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini. Anda boleh membaca Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB di www.uob.com.my.

25 Terma dan Syarat PIB

- 25.1 Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, jika anda meminta perkhidmatan kami melalui PIB, Terma dan Syarat yang Mentadbir Perkhidmatan Perbankan Internet Peribadi UOB akan digunakan sebagai tambahan kepada dan bukan penggantian untuk mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini. Anda boleh membaca Terma dan Syarat yang Mentadbir Perkhidmatan Perbankan Internet Peribadi UOB di www.uob.com.my.

26 Kos dan Perbelanjaan

- 26.1 Semua kos dan perbelanjaan termasuk kos guaman, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh kami berhubung dengan Akaun Wealth Premium dan penguatkuasaan atau percubaan untuk mengekal atau menguatkuasakan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini, dan apa-apa pengenaan cukai di bawah undang-undang atau peraturan pencukaian mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, akan dibayar oleh anda pada permintaan dan pada dasar indemniti penuh, bersama dengan faedah bermula dari tarikh tuntutan ke tarikh pembayaran penuh pada kadar sedemikian yang ditentukan oleh kami.
- 26.2 Kami berhak untuk menggunakan sebarang bayaran yang kami terima daripada anda untuk menyelesaikan semua kos, caj dan perbelanjaan dalam perkadaruan dan aturan keutamaan sedemikian yang kami anggap sesuai, pada budi bicara mutlak kami, dan kami berhak untuk menempat dan mengekalkan sebarang bayaran yang diterima daripada anda pada kredit akaun

tergantung sepanjang tempoh yang kami pilih. Sementara itu, kami tidak diwajibkan untuk menggunakan kesemua atau sebahagian yang sama terhadap pelepasan sebarang wang atau liabiliti yang dijangka atau ditanggung oleh anda di bawah Akaun Wealth Premium.

27 Pengelakan Pembayaran

27.1 Sebarang jaminan, sekuriti atau pembayaran yang mungkin dibatalkan atau diketepikan di bawah sebarang undang-undang berhubung dengan penggulungan atau ketakmampuan dan sebarang pelepasan, penyelesaian atau penjelasan yang diberi atau dilakukan oleh kami pada keyakinan sebarang jaminan, sekuriti atau pembayaran sedemikian tidak akan memudaratkan atau menjelaskan hak kami untuk mendapat balik daripada anda wang yang dijamin pada tahap penuh di bawah Terma dan Syarat ini seolah-olahnya jaminan, sekuriti atau pembayaran tersebut belum diterima dan seolah-olah pelepasan, penyelesaian atau pelaksanaan tersebut tidak diberikan. Sebarang pelepasan, penyelesaian atau penjelasan sedemikian akan dianggap telah dilakukan tertakluk kepada syarat bahawa ia akan menjadi tidak sah jika sebarang bayaran atau sekuriti yang kami mungkin telah terima sebelum ini atau diterima selepas itu daripada mana-mana individu berhubung dengan wang yang anda bersetuju untuk membayar atau membayar balik telah diketepikan di bawah sebarang Undang-undang yang Digunakan atau dibuktikan tidak sah untuk apa-apa sebab.

28 Pemindaan

28.1 Kami boleh pada budi bicara mutlak kami dari semasa ke semasa, mengubah, menambah, mengeluarkan atau meminda Terma dan Syarat ini dengan memberikan anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu, sama ada melalui Penyata Akaun anda atau melalui pemaparan pada laman web rasmi kami di www.uob.com.my atau di cawangan kami, atau melalui apa-apa cara yang kami pilih.

28.2 Jika anda tidak menerima pindaan tersebut, anda mestilah menutup Akaun Wealth Premium dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh pemakluman. Jika anda tidak berbuat demikian, anda akan dianggap telah menerima dan bersetuju dengan perubahan sedemikian dan perubahan tersebut akan mengikat anda.

28.3 Kami boleh pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak kami, meminda, mengubah suai, menyemak, menyekat, meningkat, menggantung, membatalkan atau menarik balik semua atau mana-mana kemudahan, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan Akaun Wealth Premium dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada anda.

29 Pendedahan Maklumat

29.1 Anda bersetuju bahawa kami (termasuk pegawai, kakitangan, agen atau mana-mana individu lain yang dibenarkan oleh kami untuk mengakses rekod kami, surat-menyurat atau sebarang bahan berhubung dengan anda atau Akaun Wealth Premium) boleh mendedahkan pada bila-bila masa pada budi bicara mutlak kami dan tanpa memaklumkan anda terlebih dahulu sebarang maklumat berkaitan dengan anda, akaun anda dengan kami atau Akaun Wealth Premium kepada pihak berikut:

(a) mana-mana Kumpulan bagi sebarang tujuan berikut:-

- (i) menyediakan anda dengan perkhidmatan perbankan;
- (ii) pelaporan;
- (iii) pemadanan data;

- (iv) meningkat dan melanjutkan penyediaan perkhidmatan lain oleh kami atau mana-mana Kumpulan kepada anda;
 - (v) pencegahan penipuan atau jenayah;
 - (vi) menyiasat, mencegah atau sebaliknya berhubung dengan pengubahan wang haram atau apa-apa aktiviti jenayah lain;
 - (vii) kutipan hutang;
 - (viii) khidmat sumber luar;
 - (ix) pelaksanaan tugas sebagai seorang pegawai atau berkaitan dengan pengauditan atau menjalankan pengurusan risiko;
 - (x) memudahkan pelaksanaan tugas kami atau mana-mana fungsi ahli Kumpulan;
 - (xi) pematuhan pada polisi, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan;
 - (xii) pelaksanaan peraturan korporat;
 - (xiii) sebarang proses undang-undang yang dimulakan oleh atau dilaksanakan ke atas kami;
- (b) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau perkhidmatan lain kepada kami untuk tujuan menyediakan, mengemas kini, menyenggarakan dan mempertingkatkan perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada siasatan percanggahan, kesilapan atau tuntutan;
- (c) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang dilantik oleh kami untuk tujuan menjalankan atau berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah menggunakan khidmat pakar luar;
- (d) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan suatu penyiasatan berkaitan dengan sebarang kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
- (e) syarikat kad kredit dan institusi kewangan yang berkaitan dengan pertanyaan kad kredit;
- (f) bank, institusi kewangan, biro kredit atau agen rujukan kredit yang lain (hanya untuk maklumat kredit);
- (g) juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional kami;
- (h) pencetak alat tulis kami, vendor sistem komputer yang kami gunakan, dan individu sedemikian yang memasang dan menyenggarakannya, serta pembekal barang atau pembekal perkhidmatan lain yang dilantik oleh kami;
- (i) mana-mana penerima yang dilantik oleh kami atau mana-mana pihak lain;
- (j) mana-mana biro kredit di mana kami adalah ahli, dan mana-mana ahli dan/atau jawatankuasa pematuhan biro kredit sedemikian;
- (k) mana-mana agensi penarafan, pembekal insurans atau broker insurans / pembekal takaful atau penyedia perlindungan kredit secara langsung atau tidak langsung;
- (l) mana-mana peserta atau sub-peserta sebenar atau berpotensi berhubung dengan sebarang tanggungjawab kami di bawah perjanjian perbankan di antara kami dan anda, atau pemegang serah hak, *novatee* atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, agen atau penasihat) atau mana-mana daripada mereka;
- (m) untuk transaksi yang dilaksanakan atau diproseskan dengan atau tanpa kebenaran anda dalam atau melalui ATM bank atau institusi kewangan atau bukan kewangan lain atau terminal atau mesin atau peranti dikendalikan kad lain yang diluluskan oleh kami, kepada kami, institusi kewangan atau bukan kewangan, pedagang atau pihak lain yang

- menerima penggunaan kad mesin juruwang automatik dan agen atau kontraktor mereka masing-masing;
- (n) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana ahli Kumpulan;
 - (o) mana-mana individu di mana kami, atau mana-mana ahli Kumpulan, dibenarkan atau diperlukan untuk melakukan pendedahan di bawah undang-undang mana-mana negara;
 - (p) mana-mana individu lain di mana pendedahan sedemikian dianggap sebagai untuk kepentingan kami, atau kepentingan mana-mana ahli Kumpulan (tidak termasuk perkongsian strategik untuk tujuan pemasaran dan promosi);
 - (q) mana-mana individu yang ingin menyelesaikan apa-apa wang yang tertunggak di bawah Kemudahan Overdraft;
 - (r) mana-mana individu yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau perlindungan sebarang hak kami di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (s) Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;
 - (t) mana-mana negara lain, bank pusatnya atau pihak penyiasatan berkuasa untuk tujuan pematuhan apa-apa pertukaran maklumat akaun kewangan secara automatik di bawah mana-mana perjanjian lebih pihak bagi bantuan pentadbiran bersama dalam urusan-urusan cukai.

30 Pematuhan pada Perintah Mahkamah

- 30.1 Kami dan Kumpulan boleh bertindak dalam apa-apa cara yang kami anggap sesuai, tanpa berunding dengan anda terlebih dahulu, jika kami dikemukakan dengan suatu perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh mahkamah daripada sebarang bidang kuasa. Anda bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan kami untuk sebarang kerugian atau ganti rugi berhubung dengan tindakan kami.

31 Carian

- 31.1 Kami boleh tetapi tidak diwajibkan untuk melakukan carian kebankrapan atau carian berkaitan kredit daripada mana-mana agensi rujukan kredit, pangkalan data atau sistem terhadap mana-mana individu sebelum dan pada bila-bila masa selepas pembukaan Akaun Wealth Premium.
- 31.2 Anda bersetuju untuk kami menjalankan carian sedemikian terhadap anda setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 31.3 Semua caj yang ditanggung berhubung dengan carian di atas akan ditanggung oleh anda.

32 Perlindungan Data

- 32.1 Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Notis Privasi yang dikeluarkan oleh kami (yang boleh didapati di cawangan kami dan juga di laman web kami di www.uob.com.my) dan klausa dalam Terma dan Syarat ini yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi anda. Bagi mengelakkan

keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap telah dimasukkan sebagai rujukan ke dalam Terma dan Syarat ini.

- 32.2 Anda bersetuju dan mengizinkan bahawa kami boleh memindahkan Data Peribadi ke luar Malaysia. Semua Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan Kumpulan akan diberi tahap perlindungan yang munasabah terhadap apa-apa kehilangan, salah guna, pengubahaan, akses tanpa kebenaran atau tidak sengaja atau pendedahan, pengubahan atau pemotongan.
- 32.3 Jika anda menyediakan Data Peribadi berhubung dengan pihak ketiga, termasuk data berhubung dengan waris terdekat dan tanggungan anda (di mana anda seorang individu) atau data berhubung dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin individu dan pembekal keselamatan anda (di mana anda merupakan sebuah syarikat), bagi tujuan pembukaan atau pengendalian Akaun Wealth Premium dengan kami atau sebaliknya untuk melanggan produk dan perkhidmatan kami, anda:
- (a) mengesahkan bahawa anda telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk menyediakan data ini kepada kami dan untuk kami menggunakan selaras dengan Terma dan Syarat ini;
 - (b) berjanji bahawa anda telah memaklumkan pihak ketiga sedemikian untuk membaca Notis Privasi di laman web kami di www.uob.com.my;
 - (c) telah memaklumkan pihak ketiga sedemikian:-
 - (i) bahawa kami mungkin mengumpul atau mengesahkan data peribadi dan kewangan mereka dengan sumber-sumber pihak ketiga;
 - (ii) bahawa kami boleh mendedahkan data peribadi mereka kepada kelas pihak ketiga seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi kami;
 - (d) bersetuju untuk memastikan bahawa data peribadi dan kewangan pihak ketiga sedemikian adalah tepat;
 - (e) bersetuju untuk mengemas kini kami secara bertulis jika terdapat sebarang perubahan ketara kepada data peribadi dan kewangan tersebut; dan
 - (f) bersetuju kepada hak kami untuk menamatkan Terma dan Syarat ini dan menutup Akaun Wealth Premium jika persetujuan sedemikian ditarik balik oleh pihak ketiga tersebut.
- 32.4 Di mana anda mengarahkan kami untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk melakukan atau menerima bayaran), butiran yang berkaitan dengan transaksi rentas sempadan (termasuk data yang berkaitan dengan pihak yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan kewajipan sah mereka (contoh, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan kami dan/atau agen kami untuk melakukan sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju dengan pendedahan di atas bagi pihak anda dan individu lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- 32.5 Selain itu, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau tanggungjawab) yang digunakan ke atas kami dan Kumpulan (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), anda bersetuju bahawa kami dan Kumpulan, serta pedagang dan rakan strategik kami boleh menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran yang kami percaya mungkin menarik minat anda atau memanfaatkan anda dari segi kewangan. Walau dengan apa-apapun yang tersebut di atas, kami hanya akan mendedahkan Data Peribadi anda (tidak termasuk data yang berhubung dengan hal ehwal atau akaun anda) kepada

pedagang dan rakan kongsi strategik kami di mana persetujuan nyata anda telah diperolehi terlebih dahulu.

- 32.6 Anda boleh memilih untuk tidak menerima apa-apa bahan pemasaran langsung daripada kami dan Kumpulan dengan menulis kepada kami di 'Perkhidmatan Kewangan Peribadi, Peti Surat 13525, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur' (atau alamat lain sedemikian yang dimaklumkan oleh kami) dengan permintaan anda dan kami akan mematuhi arahan bertulis terkini anda kepada kami.
- 32.7 Anda mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti Penyata Akaun dan laman web kami mengandungi maklumat standard mengenai produk dan perkhidmatan lain kami yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjelaskan penghantaran/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, pengendalian Akaun Wealth Premium anda dan/atau tanpa mengenakan kos tambahan kepada anda.
- 32.8 Anda berhak untuk meminta secara bertulis:
 - (a) untuk apa-apa maklumat berhubung dengan Data Peribadi anda yang dipegang atau disimpan oleh kami, pada pembayaran fi yang ditetapkan;
 - (b) untuk apa-apa maklumat yang dipegang atau disimpan oleh kami yang perlu dikemaskini, dipinda dan/atau diperbetulkan;
 - (c) untuk kami menghadkan pemrosesan Data Peribadi anda yang dipegang atau disimpan oleh kami; dan
 - (d) untuk membuat pertanyaan atau aduan berkenaan dengan pemrosesan Data Peribadi anda oleh kami.

Untuk pertanyaan di bawah (a) atau (b), anda boleh membuat permintaan kepada kami melalui Borang Permintaan Mengakses Data atau Borang Permintaan Membetulkan Data masing-masing. Borang-borang ini boleh didapati di cawangan-cawangan kami dan juga di laman web kami di www.uob.com.my.

Anda boleh mengarahkan semua permintaan anda ke mana-mana cawangan kami atau ke 'Pengurusan Komunikasi Pelanggan, Peti Surat 11212, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur'.

Kami boleh mengenakan fi untuk memproses permintaan anda untuk akses atau pembetulan. Kami juga mungkin enggan mematuhi permintaan anda berkenaan dengan (a) atau (b) di atas jika maklumat yang diberikan oleh anda tidak mencukupi (sebagaimana yang kami tentukan) atau di mana permintaan sedemikian boleh memungkiri atau melanggar sebarang undang-undang atau peraturan atau apa-apa sebab lain yang kami anggap bukan pada kepentingan kami untuk berbuat demikian. Jika kami enggan mematuhi permintaan tersebut, kami akan memaklumkan anda mengenai keengganan dan sebab keengganannya kami.

- 32.9 Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa maklumat tersebut sentiasa dikemaskinikan.
- 32.10 Sila dimaklumkan bahawa jika anda kemudiannya menarik balik kebenaran anda untuk memproses Data Peribadi anda seperti yang diberikan sebelum ini kepada kami, kami tidak akan dapat memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda berhubung dengan tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi. Dengan itu, kami berhak untuk tidak menyediakan atau tidak meneruskan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, Akaun Wealth Premium dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan Data Peribadi sedemikian.

- 32.11 Kami berhak untuk meminda Klausus 32 ini dari semasa ke semasa pada budi bicara tunggal kami dan akan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan menyatakan apa-apa pindaan sedemikian di laman web kami atau meletakkan notis di ruang perbankan atau di kawasan utama dalam cawangan kami atau dengan apa-apa cara komunikasi lain yang kami anggap sesuai.
- 32.12 Klausus 32 ini tidak akan menjelaskan sebarang klausus lain dalam Terma dan Syarat ini yang menyediakan pendedahan data.

33 Pematuhan FATCA

- 33.1 Anda perlu menyediakan semua dokumentasi atau maklumat yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada tarikh lahir, negara kewarganegaraan, negara-negara kediaman tetap, cukai di negara-negara kediaman dan nombor pengenalan pembayar cukai yang berkaitan, yang mungkin diperlukan untuk membolehkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan mematuhi semua keperluan FATCA atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan.

Anda perlu memaklumkan kami secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari mengenai sebarang perubahan yang menjelaskan status cukai anda berhubung dengan FATCA di bawah sebarang undang-undang, peraturan atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan

- 33.2 Anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah memberikan semua dokumentasi atau maklumat lain kepada kami sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh kami untuk mematuhi FATCA dan berhubung dengan perubahan dalam status cukai dan akan menyediakan semua dokumentasi atau maklumat lain yang diperlukan dalam tempoh tujuh (7) hari dari permintaan daripada kami secara bertulis atau sebaliknya.

Anda selanjutnya mengakui bahawa apa-apa kegagalan di pihak anda untuk memberikan maklumat yang tepat dan terkini menurut keperluan dan permintaan kami boleh menyebabkan kami menganggap bahawa anda bersikap degil dan/atau boleh dilaporkan dan mengambil segala tindakan yang diperlukan terhadap anda dalam usaha kami untuk mematuhi keperluan di bawah FATCA, undang-undang tempatan berhubung dengan FATCA dan mana-mana peruntukan lain yang timbul daripada perjanjian antara kerajaan yang berkaitan dengan FATCA.

- 33.3 Bagi pelanggan individu, anda bersetuju dengan pengumpulan, penyimpanan, dan pendedahan apa-apa Data Peribadi oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan kepada individu-individu di mana kami atau mana-mana ahli Kumpulan menerima atau melakukan pembayaran bagi pihak anda dan kepada pihak berkuasa kerajaan seperti yang diperlukan oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Kebenaran anda akan berkuatkuasa tanpa mengira sebarang perjanjian tiada pendedahan yang digunakan. Anda menyatakan bahawa anda telah memperolehi sebarang persetujuan atau penepian yang diperlukan daripada mana-mana pihak ketiga di mana maklumatnya telah diberikan kepada kami bagi membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan menjalankan tindakan seperti yang dinyatakan dalam Klausus 33 ini, dan bahawa anda akan memperolehi persetujuan dan penepian sedemikian terlebih dahulu sebelum memberikan maklumat yang sama kepada kami pada masa hadapan.

- 33.4 Bagi pelanggan yang merupakan pemilik tunggal, perkongsian atau entiti perniagaan lain, perbadanan, atau persatuan, kelab atau pertubuhan atau amanah, anda bersetuju dengan pengumpulan, penyimpanan, dan pendedahan apa-apa Maklumat Sulit oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan kepada individu-individu di mana kami atau mana-mana ahli Kumpulan menerima atau melakukan pembayaran bagi pihak anda dan kepada pihak berkuasa kerajaan seperti yang diperlukan oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Maklumat Sulit termasuk data peribadi anda, butiran akaun bank anda, maklumat transaksi, dan apa-apa maklumat lain yang akan dianggap oleh seseorang yang munasabah sebagai bersifat

sulit atau proprietari. Kebenaran anda akan berkuatkuasa tanpa mengira sebarang perjanjian kerahsiaan yang digunakan. Anda menyatakan bahawa anda telah memperolehi sebarang persetujuan atau penepian yang diperlukan daripada mana-mana pihak ketiga di mana maklumatnya telah diberikan kepada kami bagi membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan menjalankan tindakan seperti yang dinyatakan dalam Klausus 33 ini, dan bahawa anda akan memperolehi persetujuan dan penepian sedemikian terlebih dahulu sebelum memberikan maklumat yang sama kepada kami pada masa hadapan.

- 33.5 Anda bersetuju dan mengakui bahawa kami berhak untuk mengambil segala tindakan yang diperlukan untuk mematuhi dan kekal mematuhi FATCA sebagaimana yang diperlukan oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Jika sebahagian daripada pendapatan anda boleh dilaporkan dan sebagiannya tidak, kami akan melaporkan semua pendapatan kecuali kami dapat menentukan jumlah yang boleh dilaporkan dengan sewajarnya. Anda dengan ini membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan kami, di mana sesuai, untuk menahan atau, jika tidak, mengutip sebarang bayaran, sebarang cukai atau pentaksiran kerajaan lain yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang keperluan untuk menahan atau memotong jumlah di bawah Kod serta peraturan dan garis panduan lain yang dikeluarkan di bawah Kod, di mana setiap daripadanya dipinda dari semasa ke semasa atau mana-mana perjanjian lain dengan atau antara pihak berkuasa.
- 33.6 Kami atau mana-mana ahli Kumpulan, boleh mengambil apa-apa tindakan yang kami anggap sesuai untuk memenuhi sebarang tanggungjawab, sama ada di Malaysia atau di tempat lain di dunia, berhubung dengan pencegahan pengelakan cukai. Ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menyiasat dan memintas bayaran ke dalam dan keluar daripada akaun anda (terutamanya dalam hal pemindahan dana antarabangsa), menyiasat sumber atau penerima yang dimaksudkan untuk dana, berkongsi maklumat dan dokumen dengan pihak berkuasa cukai tempatan dan antarabangsa dan menahan pendapatan dari akaun anda dan memindahkannya kepada pihak berkuasa cukai tersebut. Jika kami tidak berpuas hati bahawa suatu pembayaran ke dalam atau ke luar daripada akaun anda adalah sah, kami boleh menolak untuk menguruskannya.
- 33.7 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk sebarang kerugian, kos, perbelanjaan, ganti rugi, liabiliti yang anda mungkin alami akibat daripada pematuhan kami kepada undang-undang, peraturan, perintah atau perjanjian dengan pihak berkuasa cukai atau oleh dan antara pihak berkuasa cukai atau jika kami melakukan penentuan yang salah sama ada anda patut dianggap sebagai tertakluk kepada cukai atau tanggungjawab pelaporan cukai.
- 33.8 Klausus 33 ini akan mengatasi mana-mana terma yang tidak konsisten atau persetujuan yang diberikan oleh anda di bawah mana-mana perjanjian dengan kami setakat perjanjian sedemikian memperuntukkan hak yang berkurangan bagi kami, sama ada sebelum atau selepas tarikh Terma dan Syarat ini. Klausus 36 ini tidak akan menjelaskan sebarang klausus lain dalam Terma dan Syarat ini yang menyediakan permintaan untuk maklumat atau pendedahan data.

34 Notis dan Komunikasi

- 34.1 Apa-apa notis, tuntutan, permintaan atau komunikasi (selain daripada Proses Undang-undang) yang kami hantar kepada anda, boleh:-
 - (a) dihantar dengan tangan ke alamat anda seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan atau alamat terakhir lain sedemikian yang kami ketahui;
 - (b) dihantar melalui pos (berdaftar, berdaftar Akaun Terima (*Acknowledged Receipt* atau AR), biasa atau sebaliknya) ke alamat anda seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan atau alamat terakhir lain sedemikian yang kami ketahui;

- (c) dihantar melalui transmisi faksimile ke nombor faksimile terakhir yang kami ketahui;
 - (d) dihantar melalui mel elektronik ke alamat mel elektronik terakhir yang kami ketahui;
 - (e) dihantar melalui sistem pesanan ringkas (SMS) kepada nombor telefon bimbit terakhir yang kami ketahui;
 - (f) dengan menyiarkan di laman web kami; atau
 - (g) dengan memasukkan ke dalam mana-mana Penyata Akaun yang kami hantar kepada anda.
- 34.2 Notis atau komunikasi tersebut akan dianggap telah diterima oleh anda:-
- (a) pada masa penghantaran di alamat anda, jika dihantar dengan tangan;
 - (b) pada hari ketiga (ke-3) (termasuk hari pengeposan) dari tarikh ia dihantar, walaupun ia tidak dapat dihantar atau dikembalikan;
 - (c) pada waktu penghantaran faksimile selesai;
 - (d) pada waktu penghantaran mel elektronik selesai;
 - (e) pada waktu penghantaran sistem pesanan ringkas (SMS) selesai;
 - (f) pada waktu pemaparan di laman web kami; atau
 - (g) pada waktu Penyata Akaun dianggap telah diterima oleh anda.
- 34.3 Kami tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa yang mungkin terjadi kepada notis atau komunikasi selepas ia dihantar, contohnya, jika apa-apa notis atau komunikasi ditangguhkan, dipintas, hilang, gagal untuk diterima atau didedahkan kepada mana-mana pihak semasa transit.
- 34.4 Kami juga berhak untuk menyampaikan apa-apa notis berkenaan dengan Akaun Wealth Premium melalui iklan dalam mana-mana satu surat khabar harian dan notis tersebut akan dianggap telah disampaikan kepada anda pada hari iklan tersebut muncul dalam surat akhbar tidak kira sama ada anda telah melihat iklan tersebut.
- 34.5 Perubahan dalam butiran perhubungan:-
- (a) Anda bersetuju untuk memaklumkan kami dengan serta-merta mengenai sebarang perubahan dalam alamat surat-menyurat, pos atau kediaman anda serta maklumat perhubungan anda ("Maklumat").
 - (b) Jika anda tidak memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam Maklumat, anda bersetuju bahawa kami boleh, pada budi bicara mutlak kami, bergantung pada:-
 - (i) sebarang alamat dan/atau maklumat perhubungan yang dinyatakan dalam borang permohonan atau seperti yang dinyatakan dalam rekod kami; atau
 - (ii) sebarang alamat dan/atau maklumat perhubungan yang kami peroleh daripada sebarang komunikasi yang dikatakan telah dihantar oleh anda kepada kami.
 - (c) Jika anda gagal memaklumkan kami mengenai perubahan dalam Maklumat yang menyebabkan kelewatan atau tiada penghantaran mana-mana Penyata Akaun, surat-

menyurat dan/atau notis, ia tidak akan menjelaskan hak dan kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini.

35 Penyampaian Proses Undang-undang

35.1 Sebagai tambahan kepada dan bukan penggantian untuk apa-apa cara perkhidmatan yang mungkin dibenarkan atau ditetapkan oleh sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa ini, sebarang perkhidmatan Proses Undang-undang oleh atau bagi pihak kami dapat dilaksanakan ke atas anda:

- a) dengan meninggalkan satu salinan di alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan atau dalam apa-apa komunikasi yang dikatakan telah dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kami dan ia akan dianggap telah diterima oleh anda pada hari ia ditinggalkan di alamat tersebut; atau
- b) dengan menghantar satu salinan melalui pos berdaftar prabayar atau biasa ke alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan atau dalam apa-apa komunikasi yang dikatakan telah dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kami dan akan dianggap telah diterima oleh anda dengan sewajarnya pada hari ketiga (ke-3) (termasuk hari pengeposan) dari tarikh ia dihantar, walaupun ia tidak dapat dihantar atau dikembalikan.

36 Keadaan Di Luar Kawalan Kami

36.1 Jika kami tidak dapat:

- (a) melaksanakan sebarang tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (b) menjalankan operasi perniagaan lazim kami; atau
 - (c) menyediakan sebarang perhidmatan;
- akibat apa-apa sebab di luar kawalan kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- (i) kebakaran, gempa bumi, banjir, kilat, tsunami, epidemik, malapetaka semula jadi, kemalangan, kerusuhan, kekacauan awam, pertikaian industri, tindakan keganasan, embargo, peperangan atau bencana alam;
 - (ii) sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, bekalan elektrik, air, bekalan bahan api; atau
 - (iii) sebarang keadaan dalam bentuk *force majeure*, iaitu sesuatu peristiwa tidak diduga yang menghalang kami daripada melaksanakan tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini;

kami tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa cara sekalipun untuk sebarang kegagalan pelaksanaan atau untuk sebarang kesulitan, kerugian, kecederaan dan ganti rugi yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung oleh anda akibat daripadanya.

37 Indemniti

37.1 Sebagai tambahan dan tanpa menjelaskan sebarang hak atau remedи (undang-undang atau sebaliknya) lain kami, anda akan, apabila dituntut, melindungi kami dan tidak menyalahkan kami

daripada dan terhadap semua kerugian, kos, caj dan perbelanjaan apa-apa sekalipun, termasuk kos guaman pada dasar indemniti penuh serta semua barang dan perkhidmatan, nilai ditambah dan duti, levi dan cukai lain yang perlu dibayar ke atas kos, caj dan perbelanjaan sedemikian, yang kami mungkin menampung, mengalami atau menanggung akibat:-

- (a) apa-apa kegagalan anda untuk mematuhi mana-mana Terma dan Syarat ini;
 - (b) kami bertindak mengikut arahan anda atau dalam apa-apa cara yang dibenarkan di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (c) apa-apa perubahan dalam sebarang Undang-undang yang Digunakan termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang undang-undang pencukaian atau peraturan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;
 - (d) apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan atau yang menyebabkan ia dilakukan oleh kami berhubung dengan atau dirujuk kepada Akaun Wealth Premium atau Terma dan Syarat ini,
 - (e) kami bergantung dan bertindak atas apa-apa Arahan daripada anda dengan niat baik walaupun ia kemudiannya menunjukkan bahawa arahan tidak diberi, bertulis atau dibenarkan oleh anda; dan/atau
 - (f) berlakunya apa-apa Peristiwa Keingkaran.
- 37.2 Pengesahan kami untuk jumlah kerugian atau perbelanjaan tersebut adalah muktamad dan mengikat anda melainkan terdapat sebarang kesilapan yang nyata.

38 Tiada Penepian

- 38.1 Anda bersetuju bahawa jika anda melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini, kami mungkin pada budi bicara tunggal kami menentukan untuk tidak melaksanakan apa-apa hak atau remedи yang kami mungkin ada berhubung dengan pelanggaran anda.
- 38.2 Walaupun kami mungkin tidak melaksanakan apa-apa hak atau remedи yang disediakan kepada kami sejurus selepas pelanggaran anda, anda bersetuju bahawa kami tidak akan dipertanggungjawabkan untuk mengetepikan atau membebaskan pelanggaran tersebut. Selepas ini, kami mungkin pada bila-bila masa melaksanakan semua atau mana-mana hak atau remedи yang disediakan kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini dan sebarang Undang-undang yang Digunakan. Sebarang kelewatan di pihak kami dalam mengambil langkah-langkah untuk menguatkuasakan remedи yang disediakan kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini atau sebarang Undang-undang yang Digunakan tidak akan dalam apa-apa cara menjelaskan hak kami untuk mengambil langkah-langkah tersebut dan kami mengekalkan hak pada bila-bila masa selepas itu untuk menguatkuasakan dengan tegas atau menekan hak kami berhubung dengan pelanggaran tersebut atau apa-apa pelanggaran berikutnya oleh anda.

39 Kebolehasingan

- 39.1 Jika mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan akan dianggap sebagai telah dikeluarkan daripada Terma dan Syarat ini. Namun demikian, Terma dan Syarat yang selebihnya akan terus berkesan dan berkuat kuasa serta tidak terjejas dalam apa cara sekalipun oleh peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut.

40 Remedi Kumulatif

- 40.1 Hak, remedi, kuasa, dan keistimewaan yang disediakan di bawah Terma dan Syarat ini adalah kumulatif dan tidak mengecualikan apa-apa hak, remedi, dan keistimewaan yang disediakan oleh undang-undang, dalam mana-mana perjanjian lain antara pihak-pihak berkenaan atau sebaliknya.

41 Perlindungan Hak dan Kelayakan

- 41.1 Anda bersetuju bahawa, tidak kira apa yang dinyatakan di bahagian lain Terma dan Syarat ini, hak dan kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, dan akan dikekalkan walaupun terdapat sebarang penutupan, pembatalan, pemansuhan atau penggantungan Akaun Wealth Premium.

42 Perubahan dalam Perlembagaan

- 42.1 Hak, liabiliti dan/atau tanggungjawab yang diwujudkan oleh Terma dan Syarat ini akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan, walaupun terdapat apa-apa pemindahan atau penyerahan hak untuk perniagaan, operasi, aset, atau liabiliti kami, atau apa-apa perubahan melalui penyatuan, penyepadan, pembinaan semula, atau sebaliknya dalam perlembagaan kami, atau mana-mana syarikat yang menjalankan perniagaan kami, dan akan disediakan kepada syarikat yang menjalankan perniagaan tersebut.

43 Penyerahan Hak

- 43.1 Anda tidak boleh menyerahkan sebarang hak anda di bawah Terma dan Syarat ini dan di bawah Akaun Wealth Premium tanpa kebenaran bertulis nyata kami.
- 43.2 Kami boleh menyerahkan mana-mana atau semua hak kami di bawah Terma dan Syarat ini dan di bawah Akaun Wealth Premium kepada mana-mana individu yang kami anggap sesuai.

44 Undang-undang yang Mentadbir

- 44.1 Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan anda secara muktamad:-
- (a) menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia;
 - (b) mengetepikan sebarang bantahan pada alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa, atau mana-mana dasar yang sama; dan
 - (c) membenarkan perkhidmatan Proses Undang-undang melalui apa-apa cara yang dibenarkan oleh Terma dan Syarat ini dan/atau sebarang Undang-undang yang Digunakan.

45 Pengikatan Pengganti

- 45.1 Terma dan Syarat ini akan mengikatkan waris dan wakil peribadi anda, serta pemegang serah hak dan pengganti hak milik kami.

46 Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

- 46.1 Deposit yang dikekalkan oleh anda dalam Akaun Wealth Premium layak untuk menerima perlindungan dari Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) tertakluk kepada terma dan syarat PIDM, dan satu salinan brosur PIDM telah disediakan untuk anda.